




PGT 203

KEMAHIRAN KOMUNIKASI & INTERPERSONAL GURU

SIDANG AKADEMIK 2018/ 2019

SEMESTER 2



**NAMA :** NURUL FIKRAH BNTI AZIZ  
**NO MATRIK :** 141428  
**EMAIL :** [nurulfikrah091@gmail.com](mailto:nurulfikrah091@gmail.com)  
**DISEMAK OLEH :** DR MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL

**TARIKH PENGHANTARAN :**

## **1.0 NAMA PROJEK DAN PENGENALAN**

### **NAMA PROJEK: KELAS BERSIH, CANTIK DAN SELESA (BERCAS)**

Projek Kelas Bersih,, Cantik, dan Selesa (BERCAS) merupakan satu projek khas yang perlu dilaksanakan oleh mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Malaysia (USM) dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) yang mengambil kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal untuk Guru (PGT203) pada semester 2 Sidang Akademik 2018/ 2019. Projek Kelas BERCAS ini perlu dijalankan secara kolaborasi dengan pihak sekolah yang telah dipilih bagi menjayakan projek ini dengan jayanya. Kami akan membuat beberapa senarai semak berkaitan dengan sekolah-sekolah yang akan dipilih bagi memberi kelancaran kepada tugas yang diberikan. Projek ini membawa tema minimalis yang mana tema ini seiring dengan perubahan system pendidikan Negara yang berteraskan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang bermula pada tahun 2014. Kini, sistem pembelajaran terbaru dikatakan sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid yang membawa beberapa elemen iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini dapat diwujudkan dengan lebih berkesan melalui projek kelas BERCAS yang memberi kesan positif kepada pelajar dalam sesbuah kelas. Projek Kelas BERCAS ini bertujuan adalah untuk mewujudkan persekitaran kelas yang kondusif untuk menarik minat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Selain itu, program ini mampu meningkatkan kualiti para bakal guru dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) dengan menguasai kemahiran asas seperti berkomunikasi, perhubungan interpersonal, kepimpinan dan pembinaan personaliti secara individu dan kumpulan mengikut konteks persekolahan supaya dapat menjadi seorang guru yang cemerlang dan berwibawa pada masa hadapan. Oleh itu, sudah pastinya projek ini diadakan bagi memberi pendedahan awal, pengalaman dan juga panduan kepada setiap bakal guru mengenai bidang pengurusan projek agar dapat dijadikan bekalan ilmu pada masa mendatang.

Di samping itu, projek ini turut bertujuan untuk memberi pengalaman kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk tampil ke depan menonjolkan kebolehan diri terutamanya dalam aspek kemahiran berkomunikasi dan interpersonal yang amat diperlukan sebagai seorang bakal pendidik. Dalam pada itu, program ini mampu memberi pendedahan kepada pelajar sekolah, guru serta ibu bapa mengenai kepentingan kelas yang bersih, ceria dan selesa.

## **2.0    OBJEKTIF PROJEK**

Projek Kelas BERCAS PGT203 mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai.

Antaranya ialah:

1. Menuhi kehendak kursus PGT203 oleh mahasiswa dan mahasiswi Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) selain menjayakan Projek Kelas BERCAS PGT203.
2. Memberi pendedahan kepada warga sekolah berkenaan kepentingan kelas yang bersih, cantik dan selesa.
3. Mewujudkan kelas yang kondusif agar proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara efektif.
4. Membantu mahasiswa mahasiswi dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) dalam kemahiran asas pengurusan projek sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi dan interpersonal dalam kalangan mahasiswa pendidik.

## **3.0    KEKUATAN PROJEK**

Kekuatan projek ini dapat dilihat pada komunikasi yang dilakukan antara mahasiswa dan mahasiswi dengan penyelaras projek PGT203. Maklumat dapat disampaikan secara berhubung antara pihak sekolah dan juga penyelaras projek.

Projek ini menjadikan murid lebih kerap berkomunikasi dan berbincang sesama rakan dalam kumpulan. Setiap pelajar diberi peranan dan tugas untuk dilakukan dan mereka perlu memberi kerjasama yang baik untuk memastikan projek yang dibuat berjalan lancar. Kemahiran komunikasi dapat diasah dan ditingkatkan. Walaupun ada sesetengah pelajar yang datang bersikap pasif ketika perbincangan projek

Projek ini telah memberi pengalaman kepada bakal pendidik untuk merancang dan melaksanakan projek di sekolah bermula daripada sebelum pelaksanaan, semasa pelaksanaan dan selepas pelaksanaan projek. Contohnya penghasilan kertas kerja, perbincangan dengan pihak sekolah dan juga ahli kumpulan serta bakap pendidik juga dapat belajar menguruskan murid semasa projek dilaksanakan. Pendedahan kepada bakal pendidik untuk mengurus dan mengawal murid semasa sesuatu aktiviti atau projek berjalan amatlah penting.

Projek Kelas BERCAS ini juga telah berupaya menjadi medium untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar USM, pihak pentadbir sekolah dan guru-guru yang terlibat serta murid-murid sekolah. Sepanjang persediaan sebelum melaksanakan projek Kelas BERCAS ini pelajar USM dan para guru bekerjasama dalam menyelesaikan tugas-tugas yang diamanahkan. Selain itu, budaya saling menasihati juga sangat penting kerana kita tidak akan dapat mengenal pasti kelemahan yang ada sekiranya tidak ada mana-mana pihak yang memberi teguran dan nasihat. Oleh itu, interaksi antara pelajar USM dan guru-guru sangat berkesan untuk kelancaran projek.

Kesimpulannya, dengan segala kekuatan yang ada sewaktu tugas dijalankan, kami dapat melakukan projek Kelas BERCAS dengan jayanya ditambah pula dengan sokongan dari penyelaras projek, ahli-ahli kumpulan, pihak sekolah dan juga murid-murid yang terlibat memberi lebih lagi impak positif kepada projek tersebut.

#### **4.0 KELEMAHAN PROJEK**

Semasa melaksanakan tugas kerja kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal untuk Guru (PGT203) saya telah menerima banyak faedah yang berguna dan baik untuk diri saya sebagai bakal guru dan sebagai rakan kerja. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa setiap program yang dijalankan pastinya terdapat kelemahan tersendiri yang tidak mampu dielakkan.

Antara kelemahan yang dapat dikenalpasti ialah sepanjang projek ini hendak dijalankan adalah mengenai kurangnya langkah yang baik untuk mengatur dan mengendalikan kumpulan-kumpulan kecil dengan baik. Hal ini demikian kerana, penggunaan komunikasi yang tidak tepat dimana saya menggunakan laras bahasa yang tidak bersesuaian untuk menyampaikan sesuatu maklumat selain daripada mesej yang saya hendak sampaikan tidak memberi impak positif kepada perjalanan kerja pelajar. Walaubagaimanapun, setelah berbincang dengan penyelaras projek saya cuba meningkatkan lagi kemahiran komunikasi saya dengan pelajar lain.

Selain itu, kita mengalami masalah kekangan masa. Hal ini kerana, semasa hari projek dijalankan, suasana agak kelam-kabut kerana kelewatan pelajar USM yang telibat dalam aktiviti ini di tempat perjumpaan yang menyebabkan kami tiba agak lewat berbanding dengan jangkaan tentatif program yang telah disediakan lebih awal.

Perkara ini lebih kepada disiplin pelajar itu sendiri, pelajar tidak memberi komitmen sepenuhnya terhadap perjalanan projek. Sesetengah dari mereka pula mengambil jalan mudah dengan pergi ke sekolah terlebih dahulu tanpa mengambil kehadiran. Perkara ini telah menjadi isu yang memberi kesan kepada saya kerana ia melibatkan keselamatan pelajar itu sendiri. Pendek kata, arahan yang diberikan oleh ketua projek tidak dipatuhi dengan baik sekali gus menggambarkan kegagalan komunikasi lisan yang berlaku dalam kalangan bakal pendidik yang seharusnya peka mengenai isu-isu sebegini

## **5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

Sebagai penambahbaikan untuk projek seterusnya bagi kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Untuk Guru (PGT203), kami telah mengkaji beberapa aspek yang perlu diperbaiki. Oleh itu, bagi memastikan projek Kelas BERCAS yang seterusnya ini berjalan dengan lebih lancar dan jayanya bagi masa-masa akan datang, penambahbaikan dari semasa ke semasa perlu dilakukan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Pendek kata, semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan projek ini.

### **Pelajar dari USM terlibat**

Kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam kalangan ahli kumpulan amat penting dalam setiap program yang ingin dijalankan. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan perselisihan faham dalam kalangan ahli dapat dielakkan. Sebagaimana yang kita ketahui, komitmen dan tolak ansur amat penting ketika menjalankan aktiviti secara berkumpulan. Oleh itu, perkara utama yang perlu dilakukan dan diterap ialah dari segi sikap profesional dalam menjalankan tugas serta timbal balas antara satu sama lain agar tidak berlakunya rungutan dan keluhan. Pembahagian tugas perlu berlaku secara adil dimana di sini, kepimpinan dari ketua projek amatlah penting bagi memastikan kelancaran aktiviti. Ketua projek perlulah menyampaikan maklumat secara terus kepada ketua kumpulan agar tidak berlakunya percanggahan maklumat dalam kalangan pelajar. Perkara seperti ini boleh menimbulkan pergaduhan antara pelbagai pihak sekiranya, berlaku pergantungan tugas. Selain itu, perbincangan secara harmoni perlulah dijadikan amalan apabila perjumpaan dibuat agar semua pihak berpuas hati dan dapat memberi pendapat masing-masing. Natijahnya, semua pelajar yang terlibat perlulah belajar untuk bersikap rendah hati dan bertolak ansur dalam menjalankan tugas secara berkumpulan agar dapat menjamin kelangsungan projek.

## **Pihak sekolah**

Seterusnya, peranan daripada pihak sekolah itu sendiri amat penting dalam menjayakan program ini. Komunikasi dua hala seharusnya dapat membantu kelancaran projek. Pihak sekolah perlulah bertolak ansur dengan pelajar dan wujudkan koleborasi yang sebenarnya dengan pelajar itu sendiri. Setiap isu yang timbul berkenaan dengan projek perlulah dibincangkan bersama agar pelajar itu sendiri dapat membuat gerak kerja dengan cemerlang. Jika berlakunya permasalahan di pihak sekolah dan perkara ini tidak diketahui oleh pelajar, maka isu ini akan mengganggu gerak kerja tersebut.

Cadangan yang seterusnya ialah penglibatan guru-guru sekolah berkenaan dalam menjayakan projek Kelas BERCAS di sekolah mereka. Guru sekolah terutamanya guru kelas bagi kelas yang dipilih perlulah hadir untuk bersama-sama dalam menjayakan projek tersebut kerana projek Kelas BERCAS ini menjadikan mereka sebagai sasaran utama. Kehadiran mereka memberi impak positif kepada projek yang dijalankan.

Pihak sekolah juga perlulah membantu pelajar USM dari segi penyediaan peralatan yang hendak digunakan ketika program berlangsung bagi memudahkan kerja-kerja menghias dan mengubah bilik darjah menjadi Kelas BERCAS. Antara peralatan yang boleh disediakan oleh pihak sekolah seperti alatan mengecat, kertas-kertas, dan lain-lain. Hal ini demikian kerana, projek Kelas BERCAS ini dijalankan atas dasar perkhidmatan. Oleh itu, kami sebagai tenaga kerja dan pihak sekolah pula sebagai pemudah cara dalam merealisasikan Kelas BERCAS ini.

## **6.0 GAMBAR AKTIVITI**



**FOTO 1: SESI TAKLIMAT**



**FOTO 2: AKTIVITI SEDANG DIJALANKAN**



**FOTO 3: SELEPAS PROGRAM TAMAT**

## **7.0 REFLEKSI DIRI**

Pertama sekali saya ingin melafazkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana saya dapat menyiapkan tugas PGT203 iaitu pelaksanaan projek Kelas BERCAS yang membawa tema minimalis yang memenuhi ciri-ciri bilik darjah PAK21. Projek kami berlangsung di Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat, Pulau Pinang pada 30 Mac 2019. Pihak sekolah telah menyediakan kepada kami 6 Kelas yang perlu kami jadikan ia sebagai Kelas BERCAS. Projek ini merupakan projek yang memberikan saya banyak pengalaman dan mampu mempersiapkan diri saya sebagai seorang pendidik kelak.

Antara pengalaman yang saya dapat saya perolehi ialah projek ini mampu melatih cara komunikasi saya dengan pelbagai pihak. Bagaimana saya perlu membina satu komunikasi yang berkesan agar kami semua dapat mencapai kelangsungan projek pada hari yang telah ditetapkan.

Selain itu, saya juga mempelajari cara-cara untuk menguruskan sesuatu projek di sekolah. Sebagai bakal guru, kita bukan sahaja perlu mengajar di dalam kelas, melahirkan anak muda yang cemerlang bahkan kita perlu menguruskan pelbagai program yang djalankan di sekolah. Melalui tugas ini saya belajar mengenai cara berbincang dengan pihak sekolah, mengurus aktiviti di sekolah, dan memberi arahan kepada pelajar dalam membantu melaksanakan projek ini. Perkara ini dibuat bagi memastikan setiap program mencapai objektif yang ditetapkan dan mampu memberi intipati kepada semua warga sekolah.

Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan projek Kelas BERCAS walaupun gerak kerja agak tidak tersusun dan ketidaktelusan maklumat serta salah faham yang berlaku antara Ketua Projek dan juga Ketua Kumpulan namun semua perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan projek dapat dijalankan dengan jayanya. Selain itu, tugas yang diberikan ini menjadikan saya lebih yakin dan matang dalam melontarkan idea dan menyelesaikan masalah dalam menguruskan hal luar dan mampu berkomunikasi bukan sahaja dengan rakan sekerja bahkan dengan masyarakat luar juga.

Kesimpulannya, projek Kelas BERCAS memberi pencapaian pertama kepada saya dan juga pengalaman bermakna kepada saya dalam menguruskan projek yang diberi. Tanggungjawab yang diletakkan di bahu saya ini, saya cuba pikul dengan sebaiknya. Kepencangan yang berlaku diharapkan tidak diulangi lagi. Sekian, terima kasih.

## Respondan 1

NUR IZZATI BINTI ISHAK (141547)

Alhamdulillah, segala yang dirancang dalam projek kelas Bericas ini berjalan dengan jayanya. Pertama kali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah untuk subjek PGT 203 kerana banyak membimbing dalam projek ini agar ia sentiasa berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dan selalu memberi buah fikiran atau kata-kata semangat bagi menjayakan projek ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli kumpulan saya yang sangat memberi kerjasama dan komitmen dalam projek kelas beras ini. Terdapat banyak pengalaman dan perkara baru yang saya perolehi melalui kerjasama antara ahli-ahli kumpulan.

Selain itu, saya sangat beruntung kerana mendapat guru yang sangat baik hati dan memberi banyak tunjur ajar iaitu Puan Noorasyikin bin Mohd Ali. Puan syikin seorang peramah dan mudah untuk bekerjasama. Hal ini, saya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan mendapat pengalaman untuk bergaul dengan para pendidik. Oleh hal demikian, secara tidak langsung dapat meningkatkan interpersonal dan intrapersonal dalam diri saya.

Seterusnya,saya sangat suka bekerjasama dalam ahli kumpulan saya. Mereka pandai bertolak ansur dan kreatif bagi menghasilkan rekaan dan buah fikiran untuk dihias. Hal ini juga, kami banyak berkomunikasi antara satu sama lain jika mempunyai masalah atau bercanggah idea. Oleh sebab itu, kemahiran komunikasi dan interpersonal serta intrapersonal dapat ditingkatkan lagi dalam diri saya. Dalam projek kelas BERCAS ini juga dapat meningkatkan interpersonal dengan murid-murid Sekolah Kebangsaan Jelutong Barat sekali gus dapat menegnali murid-murid prasekoah SK Jelutong Barat. Mereka sangat ceria dan selalu gembira apabila kami sam-sama melakukan aktiviti.

Oleh sebab itu,saya berharap agar projek sebegini dapat diteruskan lagi bagi melahirkan para pendidik yang cemerlang dan sekali gus dapat meningkatkan suasana pembelajaran adad ke-21. Oleh itu, Projek BERCAS sangat membantu kami dalam kemahiran komunikasi interpersonal dan intrapersonal tidak kira bersama rakan-rakan,guru atau murid-murid sekolah.

## Respondan 2

NORANIS SHUHADA BINTI MOHAMMAD DAHYATI (144147)

Pertama sekali saya ingin mengucapkan Alhamdulillah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya saya dan kumpulan saya menjayakan dan menyiapkan tugas bagi kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal untuk Guru (PGT 203) iaitu perlaksaan projek yang bertemakan Kelas Bersih, Cantik dan Selesa (BERCAS). Projek kami telah dilakukan di Sekolah Kebangsaan Tan Sri P Ramlee. Pihak sekolah telah memberikan kami kelas untuk dihiaskan seiring dengan abad ke-21. Projek ini telah memberikan saya banyak pengalaman dan mampu mempersiapkan saya dalam menempuh alam perguruan kelak.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah yang banyak menolong dan memberi dorongan iaitu Dr. Muhammad Zuhair Zainal untuk memastikan projek ini sentiasa berjalan dengan lancar seperti yang telah dirancangkan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli kumpulan saya yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan tugas yang telah diberikan.

Melalui projek ini, banyak yang saya pelajari sepanjang projek ini dilangsungkan. Antaranya ialah melatih diri berkomunikasi yang berkesan dengan ahli kumpulan. Hai ini demikian kerana, tugas ini dijalankan dalam berkumpulan. Pada awalnya, agak sukar bagi saya untuk berkomunikasi dengan ahli-ahli kumpulan saya kerana terdapat ahli yang tidak pernah tegur sebelum ini dan tidak pernah kenal. Sudah pasti tugas ini memerlukan pandangan dan pendapat idea masing-masing untuk memastikan kelas itu lebih selesa untuk para pelajar belajar dalam persekitaran yang kondusif. Dari tugas ini, saya belajar cara untuk mengawal perasaan malu dan gugup apabila menyatakan sesuatu pandangan dan berkongsi idea antara satu sama lain. Dengan adanya komunikasi ini, secara tidak langsung ahli-ahli dalam kumpulan tersebut dapat bekerjasama antara satu sama lain bagi memastikan tugas ini berjalan dengan lancar. Sebagai seorang bakal guru, kita mestilah mempunyai komunikasi interpersonal yang tinggi kerana komunikasi yang baik akan memudahkan segala urusan walaupun berada di dalam kenalan yang baru.

Kesimpulannya, setiap projek yang dilaksanakan mesti mempunyai kenangan pahit dan manis. Kenangan ini akan bertukar menjadi satu yang akan dirindui. Bekerjasama, pulang lewat malam, tidak berpuas hati dengan ahli yang lain sudah semestinya ada. Walaupun gerak gerik kerja yang tidak tersusun mungkin kali pertama menjalankan tugas di sekolah, saya berpuas hati dengan projek kami setanding dengan usaha yang telah diberikan.

### Respondan 3

NUR FATHIAH BINTI ABD MUBIN (142370)

Pertama sekali saya ingin melafazkan Alhamdulillah sebagai tanda rasa kesyukuran yang tidak terhingga kerana dengan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan projek kelas BERCAS bagi Kursus Kemahiran Komunikasi Dan Interpersonal Guru (PGT203). Projek kami berlangsung di Sekolah Kebangsaan Tan Sri P Ramlee selama satu hari. Pihak sekolah telah memberikan kami sebuah kelas yang perlu dihias. Ini merupakan projek yang membeberkan saya banyak pengalaman dan mampu mempersiapkan saya dalam menempuh alam perguruan pada masa akan datang.

Kedua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengarah projek kami iaitu Nur Aliya Nathasya bt Khalir kerana telah berusaha menggerakkan tugas kerja yang telah diberikan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli kumpulan saya yang banyak memberikan kerjasama dan komitmen sepanjang menjalankan tugas yang telah diberikan. Tanpa kerjasama semua, sudah tentu kumpulan kami tidak akan mampu menyiapkan tugas ini. Kami amat berbangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan oleh kumpulan kami.

Seterusnya, komponen yang paling penting dalam projek ini adalah komunikasi antara satu sama lain. Komunikasi antara ketua kumpulan mahupun pengarah projek dengan guru penyelia di sekolah serta komunikasi sesame ahli kumpulan amat penting agar matlamat yang diletakkan mampu dicapai oleh semua. Akhir kata, syabas saya ucapkan kepada pengarah projek kumpulan kami dan seterusnya kepada semua ahli kumpulan kerana telah menjayakan projek ini.

Kesimpulannya, kenangan pahit itu ada namun apabila menjadi memori ia akan terasa manis. Keseluruhannya, saya berpuas hati dengan projek kami walaupun gerak kerja agak tidak tersusun. Mungkin kerana ini adalah kali pertama kami bekerjasama antara satu sama lain. Jika diberikan peluang sekali lagi, kami akan melakukannya dengan lebih baik. Tugasan yang telah diberikan ini telah menjadikan saya lebih yakin dalam menguruskan hal luar dan mampu berkomunikasi antara satu sama lain. Sekian, terima kasih.